

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin Bin Mohd Jarjis [Rompin] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- (a) usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membuka peluang-peluang baru bagi ibu-ibu tunggal dalam menjana ekonomi mereka; dan

(b) apakah program khusus yang telah dan akan dibentuk untuk membantu golongan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan pelbagai program kemahiran untuk membantu wanita dan ibu tunggal membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan menerusi program-program seperti berikut:

i. **Bazar Wanita 1Malaysia**

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7: *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)*

Bazar Wanita 1Malaysia telah diwujudkan untuk menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini diwujudkan bagi memberi peluang menjana pendapatan di pasar-pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Malaysia.

Bazar Wanita 1Malaysia di Pasar Tani yang pertama dilancarkan pada 14 Disember 2012 dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Hingga Mei 2014, Bazar Wanita telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan jumlah peserta seramai 103 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 27 orang adalah ibu tunggal.

ii. **Program Mamacare (Program Penjagaan Selepas Bersalin)**

Di samping itu, Kementerian telah melaksanakan Program Mamacare untuk penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden. Berdasarkan program rintis pada tahun 2013, seramai 91 orang wanita terdiri daripada ibu tunggal dan warga emas telah dilatih bagi mengikuti program ini. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 91 orang pengamal sepanjang bulan Januari 2013 hingga Mac 2014 adalah sebanyak RM453,736 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Bagi tahun 2014, Kementerian akan melatih seramai 300 orang wanita yang akan dilaksanakan mulai bulan Jun 2014.

iii. Program 1AZAM

Selain itu, Program 1AZAM juga ditawarkan kepada golongan wanita untuk menceburi perusahaan kecil dan mikro dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga. Program 1AZAM telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,976 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 31 Januari 2014. Daripada jumlah tersebut, 91,402 orang atau 65% peserta adalah wanita. Secara khususnya, program AZAM Niaga yang diselaraskan oleh KPWKM telah memberi manfaat kepada seramai 2,451 orang ibu tunggal.

Dalam pada itu, usaha-usaha pembangunan wanita turut dijalankan oleh Kementerian dengan kerjasama agensi lain dengan inisiatif seperti berikut:

i. Program *Micro Franchise*

KPWKM sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Program *Micro Franchise* untuk melahirkan usahawan wanita bagi menjalankan perniagaan francais mikro

(francis kecil-kecilan) dengan kos di bawah RM50,000 untuk diusahakan. Bagi tahun 2014, Kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya seramai 100 orang wanita menceburi perniagaan ini.

ii. Kerjaya sebagai Pemandu Wanita RapidKL

KPWKM dengan kerjasama Syarikat Prasarana Negara Berhad, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat Pengurusan RapidKL telah menganjurkan Seminar Kerjaya Pemandu Wanita Bersama RapidKL pada 5 Februari 2014 (Rabu) melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebagai satu landasan untuk menyemarakkan penglibatan wanita dalam bidang pemanduan bas. Program ini merupakan satu lambang usaha Kementerian yang komited dan berterusan dalam memberi peluang pembangunan diri kepada wanita di samping menjana pendapatan dengan kerjaya yang bersesuaian dan terjamin.

iii. Kad Skuad Pengguna

Selain menyediakan bantuan berbentuk program kemahiran untuk membantu ibu tunggal, Kementerian bekerjasama dengan KPDNKK untuk menawarkan kad SKUAD PENGGUNA. Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal. Skuad Pengguna ini membolehkan pengguna menerima potongan harga hingga 50% bagi pembelian barang keperluan di 2,170 premis perniagaan di seluruh negara termasuk Kedai Rakyat 1Malaysia. Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan tersebut dalam menjalani kehidupan. Dari tahun 2013 hingga Mei 2014 seramai 33,496 orang ibu tunggal telah menerima Kad Diskaun SKUAD PENGGUNA.

Ibu tunggal yang ingin memohon kad diskaun ini perlu berdaftar dengan mana-mana persatuan ibu tunggal berdaftar. Kad Diskaun Skuad Pengguna ini dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan diedarkan kepada persatuan-persatuan ibu

tunggal dengan bantuan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

- b) Manakala program khusus yang telah dibentuk untuk membantu golongan ini ialah **Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)** yang dilaksanakan oleh KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Secara khususnya, program I-KIT memberi tumpuan latihan kemahiran dan keusahawanan bidang jahitan, terapi kecantikan, penghasilan kraf tangan, pengasuhan kanak-kanak, pelancongan, dan pemprosesan makanan. Inisiatif ini bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan.

Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga 2013, seramai 4,011 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT di seluruh negara. Untuk pemantauan yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2013, seramai 2,704 orang ibu tunggal telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal setelah mengikuti program ini.